

APR - OGOS 2026



RAILS



PERBADANAN ASET KERETAPI



STESEN SEGAMBUT UTARA: MEMUDAHKAN PERJALANAN, MENGHUBUNGKAN KOMUNITI

Majlis Peluncuran Stesen Keretapi Segambut Utara telah dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook pada 15 Mei 2026 sebagai satu inisiatif strategik dalam memperkukuh jaringan pengangkutan awam negara serta meningkatkan keterhubungan mobiliti di Lembah Klang.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Hannah Yeoh; Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah; Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan; Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBhg. Dato' Seri TPr Fadhlun bin Mak Ujud; Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar bin Ahmad; Ketua Pegawai Eksekutif KTMB, YBhg. Datuk Azlan Shah Al Bakri serta wakil UOA Limited dan UOA Development Berhad.

Pembukaan stesen ini dijangka memberi manfaat kepada penduduk sekitar Segambut melalui penyediaan kemudahan perjalanan harian yang lebih mudah, selesa dan efisien, di samping membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar. Sebagai galakan penggunaan pengangkutan awam, kemudahan parkir percuma selama tiga bulan serta peluasan perkhidmatan Bas GoKL ke stesen ini turut diumumkan bagi memperkukuh kesalinghubungan *first-and-last-mile*.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dan agensi berkaitan dalam memperkasa sistem pengangkutan rel negara yang moden, selamat dan mampan demi kesejahteraan rakyat.

KERJASAMA MOT, RAC DAN KTMB PERKASA PERKHIDMATAN REL DI JOHOR



RAC bersama Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah melancarkan Perkhidmatan Shuttle Selatan pada 16 Jun 2026 sebagai usaha memperkukuh sistem pengangkutan awam berasaskan rel serta meningkatkan mobiliti rakyat di negeri Johor.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook bersama Menteri Besar Johor, YAB Dato' Onn Hafiz Ghazi. Turut hadir ialah YB Teo Nie Ching Timbalan Menteri Komunikasi Malaysia & Ahli Parlimen Kulai, YB Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Infrastruktur dan Komunikasi Negeri Johor; YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan; YBhg. Tuan Haji Ahmad Nazir bin Haji Mohd Nasir, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan); YBhg. Dato' Azhar bin Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Aset Keretapi (RAC); Datuk Azlan Shah Al Bakri, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB); ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan; wakil-wakil agensi kerajaan; rakan-rakan strategik; serta wakil-wakil media.

Perkhidmatan Shuttle Selatan yang menghubungkan laluan Kulai - JB Sentral dan Kempas Baru - Pasir Gudang ini merupakan hasil kerjasama strategik antara RAC, MOT dan KTMB dalam menyediakan perkhidmatan rel yang lebih cepat, selamat dan mampan. Bersempena pelancarannya, Kerajaan MADANI turut memperkenalkan Kad Komuter MADANI Shuttle Selatan dengan pengagihan 3,000 kad percuma bernilai RM50 setiap satu kepada pengguna. Bagi menjayakan inisiatif ini, RAC memperuntukkan sebanyak RM150,000 sebagai insentif untuk menggalakkan lebih ramai rakyat beralih kepada penggunaan pengangkutan awam.

RAC DAN RESORTS WORLD GENTING PERKUKUH PROMOSI PELANCONGAN MELALUI PENGIKLANAN DI TREN

RAC telah menjalin kerjasama strategik bersama Resorts World Genting (RWG) menerusi pelancaran Kempen Pengiklanan di Tren ETS 3 pada 9 Jun 2026 sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 (VMY2026) bagi mempromosikan sektor pelancongan negara melalui pengangkutan rel.

Majlis pelancaran tersebut dihadiri oleh Ketua Pegawai Komersial RAC, YM Tengku Nadia Azrina binti Tengku Amran dan Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat RAC, Encik Shahrul Fadli bin Omar bersama *Executive Vice President, Sales, Marketing and Public Relations* RWG, Encik Spencer Lee; Pengarah Kanan Pengurusan (Perancangan), Tourism Malaysia, Encik Wizani Rosmin; Pengurus Kanan Wilayah Tengah KTMB, Encik Khairul Ridzwan Adni serta Pengurus Besar Perkhidmatan ETS dan Antarabandar KTMB, Encik Mohd Azhar Abu Bakar.

Kerjasama ini menjadikan RWG sebagai jenama hospitaliti pertama yang bekerjasama dengan RAC dalam mempromosikan pelancongan negara melalui perkhidmatan ETS. Inisiatif ini turut memperkukuh usaha RAC mengoptimumkan potensi aset kereta api serta meningkatkan peranan Stesen Keretapi Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan, komersial dan warisan negara.



KAMPUNG ANGKAT MADANI

RAC SALUR RM250,000 KEPADA KAMPUNG BARU JEMENTAH



Program Kampung Angkat MADANI RAC di Kampung Baru Jementah, Segamat Johor telah dilancarkan pada 26 Jun 2026 oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook menerusi penyerahan sumbangan berjumlah RM250,000 bagi melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan dan kesejahteraan komuniti.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah RAC, YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan; Pengurus Kanan Hartanah RAC, Tuan Haji Mohd Ghazali Aman; Pengerusi Dewan Meng Teck Toh Tong, Puan Ng Kor Sim serta Penghulu Kanan Daerah Segamat, Tuan Nor Rafizan A. Rahman.

Melalui inisiatif ini, RAC terus menyokong usaha memperkasa pembangunan komuniti seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI. Majlis turut diserikan dengan Program Penukaran Topi Keledar anjuran Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang menyaksikan pengagihan 200 topi keledar baharu kepada penduduk bagi meningkatkan kesedaran dan keselamatan pengguna jalan raya.

RAC PERUNTUK RM50,000 UNTUK PEMBANGUNAN KAMPUNG BUKIT TEMIANG



Kampung Bukit Temiang, Seremban kini menjadi Kampung Angkat MADANI RAC menerusi pelancaran program yang disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook pada 16 Julai 2026. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha Dasar Kementerian Pengangkutan, YBhg. Dato' Normah binti Osman; Ketua Perkhidmatan Korporat RAC, YBrs. Encik Shahrul Fadli bin Omar; barisan pengurusan MOT dan RAC, ketua-ketua jabatan dan agensi di bawah MOT, pemimpin masyarakat serta penduduk Kampung Bukit Temiang.

Menerusi peruntukan RM50,000, RAC akan melaksanakan pelbagai projek penambahbaikan berdasarkan keperluan penduduk, termasuk pembaikan infrastruktur dan kemudahan awam. Program ini bukan sekadar membawa penambahbaikan fizikal, tetapi menjadi ruang untuk RAC mendekati komuniti dan bersama-sama membina persekitaran kampung yang lebih selesa, selamat dan sejahtera.

SEKOLAH ANGKAT MADANI



RAC PERUNTUK RM100,000 UNTUK SMK SRI TEBRAU MENERUSI PROGRAM SEKOLAH ANGKAT MADANI

RAC telah memperuntukkan RM100,000 bagi menjayakan Program Sekolah Angkat MADANI di SMK Sri Tebrau dalam satu majlis penyerahan sumbangan yang diadakan pada 26 Jun 2026 di SMK Taman Pelangi, Johor Bahru.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, YB Wong Kah Woh, manakala RAC diwakili oleh Timbalan Naib Presiden, Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat, YBrs. Encik Roslan Mohammad. Turut hadir ialah wakil Lembaga Pelabuhan Johor, guru-guru, wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta para jemputan.

Peruntukan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan RAC dalam menyokong pembangunan pendidikan serta menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif, sekali gus memberi manfaat kepada warga sekolah dan komuniti setempat.



THE HERITAGE COLOURS FESTIVAL 2026 MERIAHKAN STESEN KERETAPI KUALA LUMPUR

Stesen Keretapi Kuala Lumpur telah menjadi tumpuan orang ramai menerusi penganjuran The Heritage Colours Festival 2026 yang berlangsung selama tiga hari, dari 26 hingga 28 Jun 2026 dengan pelbagai aktiviti menarik berteraskan warisan, seni dan budaya.

Festival ini menghimpunkan pelbagai pengisian termasuk jualan vendor tempatan, pameran, pertandingan mewarna kanak-kanak dan Pertandingan Swafoto Aku & KLO. Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad turut menyantuni para peniaga di kawasan reruai jualan serta menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan.

Penganjuran festival ini bukan sahaja menghidupkan suasana di Stesen Keretapi Kuala Lumpur, malah memberi peluang kepada masyarakat untuk menghayati keunikan warisan negara dalam suasana yang santai dan meriah.





RAC SERAH 20 MOTOSIKAL SCRAMBLER PERKUKUH RONDAAN KESELAMATAN REL

Sebanyak 20 unit motosikal scrambler telah diserahkan oleh RAC kepada Polis Bantuan KTMB pada 13 Julai 2026 bagi memperkukuh rondaan keselamatan di kawasan berisiko tinggi serta lokasi yang sukar diakses di sepanjang jajaran landasan kereta api negara.

Majlis penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Perkhidmatan Korporat RAC, YBr. Encik Shahrul Fadli bin Omar kepada Ketua Polis Bantuan KTMB, SUPT Harizan Hassan dan disaksikan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah; Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah RAC, YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan serta Ketua Pegawai Eksekutif KTMB, YBhg. Datuk Azlan Shah Al Bakri.

Bernilai RM600,000, sumbangan di bawah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) RAC ini turut merangkumi penyelenggaraan motosikal selama tiga tahun bagi menyokong operasi rondaan dan penguatkuasaan yang lebih cekap.



RAC METERAI PERJANJIAN PEMBANGUNAN TANAH DI COUNTRY HEIGHTS



RAC telah memeterai Perjanjian Penjualan dan Pembangunan (*Sale and Development Agreement, SDA*) bersama Astana Setia Development Sdn. Bhd. (ASDSB) pada 10 Julai 2026 bagi cadangan pembangunan tanah milik RAC di Country Heights, Selangor.

Perjanjian ini merupakan satu langkah strategik dalam memperkasa nilai aset tanah RAC melalui pembangunan yang terancang, berdaya maju dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan kawasan sekitar.

Kerjasama ini turut menyokong usaha RAC mengoptimumkan potensi aset kereta api melalui pembangunan yang mampan serta pembentukan komuniti guna campur yang moden, sekali gus memperkukuh peranan RAC sebagai pemilik dan pemegang amanah aset kereta api negara.



PEMBANGUNAN SEREMBAN SENTRAL CAPAI 35% KEMAJUAN, DIJANGKA SIAP MAC 2027

Pembangunan Stesen Seremban Sentral kini mencapai 35% kemajuan fizikal dan dijangka siap pada Mac 2027, sekali gus bakal menjadi hab pengangkutan rel moden yang menghubungkan pelbagai perkhidmatan pengangkutan di Negeri Sembilan.

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook turut mengadakan lawatan kerja ke tapak pembinaan pada 21 Julai 2026 bagi meninjau perkembangan projek tersebut. Lawatan turut disertai Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah RAC, YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan; Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KTMB, YBhg. Dato' Azlan Shah Al Bakri serta Jurutera Daerah JKR Seremban, Ir. Ainor Izman bin Maimon @ Mahmood.

Dalam masa yang sama, bangunan Stesen Keretapi Seremban yang mempunyai nilai sejarah telah selesai menjalani kerja-kerja pemuliharaan bernilai lebih RM8 juta dan akan diintegrasikan bersama Stesen Seremban Sentral.



RAC DIKTIKRAF PERCEPAT PROSES KELULUSAN KOMERSIAL DARIPADA 60 HARI KEPADA 14 HARI

RAC menerima pengiktirafan atas komitmen dan sumbangan dalam menjayakan Projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) melalui inisiatif mempercepatkan proses kelulusan permohonan komersial *Business As Usual* (BAU) berskala kecil kurang daripada RM5,000 daripada 60 hari kepada hanya 14 hari.

Pengiktirafan tersebut disampaikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook kepada Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad sempena Majlis Perhimpunan Bulanan dan Pelancaran Bulan Kebangsaan MOT 2026 yang berlangsung di Dewan Sentral RAC, Kementerian Pengangkutan.

Inisiatif ini mencerminkan usaha RAC dalam memudah cara urusan pelanggan dan pemegang taruh melalui proses kerja yang lebih pantas, cekap dan responsif. Pencapaian ini menjadi dorongan kepada RAC untuk terus meneroka penambahbaikan dan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan, sekali gus membudayakan cara kerja yang lebih mudah, cepat dan berkesan.





TOWNHALL RAC BIL. 2/2026 PERKUKUH HALA TUJU ORGANISASI

Warga kerja RAC telah menghadiri Sesi Townhall Bil. 2 Tahun 2026 yang berlangsung pada 3 April 2026 di Dewan Limau Kasturi, Sentral RAC sebagai platform perkongsian maklumat dan penyelarasan hala tuju organisasi.

Sesi tersebut dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad yang berkongsi hala tuju strategik organisasi, perkembangan semasa termasuk situasi di Asia Barat serta langkah-langkah Kerajaan dalam mendepani kesan krisis tersebut. Townhall turut diserikan dengan pengenalan Ahli Jawatankuasa Majlis Bersama Jabatan (MBJ) sesi 2026/2027, pengenalan warga kerja baharu serta sambutan hari lahir warga RAC yang dianjurkan oleh Kelab Sosial dan Kebajikan RAC.

Program ini mencerminkan komitmen RAC dalam memperkukuh komunikasi dalaman, memupuk semangat kebersamaan serta memastikan seluruh warga kerja sentiasa selaras dengan aspirasi dan hala tuju organisasi.



Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad telah menerima Anugerah Khas yang disampaikan oleh Menteri Pengangkutan pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2025 dan Jasamu Dikenang 2026 yang telah diadakan pada 21 April 2026 sebagai pengiktirafan terhadap kepimpinan serta sumbangan beliau dalam memperkukuh pembangunan sektor pengangkutan negara.

Majlis yang dianjurkan oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dengan kerjasama Lembaga Pelabuhan Kuantan, Lembaga Pelabuhan Kemaman dan Lembaga Pelabuhan Labuan itu turut merayakan warga kerja cemerlang serta bakal pesara tahun 2026.

Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen RAC dalam membudayakan kecemerlangan, integriti dan profesionalisme, sekali gus menjadi pemangkin kepada usaha berterusan organisasi dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan serta pembangunan sektor rel negara



**KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF RAC
TERIMA ANUGERAH
KHAS MENTERI
PENGANGKUTAN**



PROGRAM POP UP EVENT RAC HIDUPKAN SUASANA STESEN KERETAPI KUALA LUMPUR

RAC telah menganjurkan Program Pop Up Event di Kuala Lumpur pada 16 dan 17 Mei 2026 sebagai platform menyokong vendor dan usahawan tempatan serta menghidupkan suasana komuniti di stesen kereta api. Program yang berlangsung dari jam 11.00 pagi hingga 8.00 malam itu mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung yang hadir memeriahkan aktiviti jualan yang diadakan.

Inisiatif ini turut menghidupkan ruang stesen sebagai ruang komuniti yang lebih santai dan aktif.

SEHATI SIRI 1: WARGA RAC TANAM BAKAU, CERIAKAN FASILITI



Warga RAC turun padang dalam Program Sharing From The Heart (SEHATI) Siri 1 yang berlangsung pada 20 Ogos 2026 di Taman Rekreasi Paya Bakau Kampung Sijangkang, Selangor. Program anjuran Unit Sumber Manusia dengan kerjasama Kelab Sosial dan Kebajikan RAC (KSKRAC) ini menggabungkan aktiviti penanaman anak pokok bakau, perkongsian ilmu mengenai ekosistem paya bakau, pembaikan dan pengecatan fasiliti serta sukaneka.

Turut diadakan sesi perkongsian bersama Prof. Madya Dr. Ahmad Aldrie Amir dari Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang memberi pendedahan kepada warga RAC mengenai kepentingan ekosistem paya bakau.

Lebih daripada sekadar aktiviti luar pejabat, program ini menjadi ruang untuk warga RAC bersama-sama menyumbang kepada kelestarian alam sambil mengeratkan hubungan dan semangat kerja berpasukan.

RAC JAYAKAN EKSPLORASI WARISAN KL 2026 DI STESEN KERETAPI KUALA LUMPUR

Eksplorasi Warisan KL 2026 melabuhkan tirai dengan suasana penuh meriah pada 30 Ogos 2026, menghimpunkan para peserta dan peminat warisan dalam sebuah pengalaman yang sarat dengan semangat kebersamaan.

Sebagai Rakan Strategik, RAC turut memainkan peranan dalam menjayakan program ini dengan Stesen Keretapi Kuala Lumpur, sebuah bangunan warisan di bawah aset RAC, dijadikan salah satu checkpoint bagi Eksplorasi Warisan KL 2026. Pemilihan lokasi ini memberi peluang kepada para peserta untuk singgah, mengenali serta menghayati nilai sejarah dan seni bina ikonik stesen kereta api yang menjadi sebahagian daripada khazanah warisan Kuala Lumpur.

Penglibatan RAC bersama Warisan KL, LOCCO dan rakan-rakan strategik lain bukan sahaja memeriahkan program, malah membuka ruang untuk aset warisan kereta api terus diketengahkan sebagai lokasi yang mempunyai nilai sejarah, budaya dan daya tarikan tersendiri.





RAC, JR EAST METERAI MoU PERKUKUH KERJASAMA PEMBANGUNAN BERORIENTASIKAN TRANSIT

Memorandum Persefahaman (MoU) antara RAC dan East Japan Railway Company (JR East) telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad dan Pegawai Eksekutif Kanan JR East, Encik Shunzo Miyake pada 13 April 2026 sebagai permulaan kepada kerjasama strategik dalam bidang Pembangunan Berorientasikan Transit (Transit-Oriented Development, TOD).

Majlis turut menyaksikan perkongsian hala tuju strategik kedua-dua organisasi serta komitmen bersama dalam memperkukuh pembangunan sektor rel melalui pertukaran pengetahuan dan kepakaran.

Melalui MoU ini, RAC dan JR East akan bekerjasama dalam pembangunan semula dan pengaktifan stesen kereta api, di samping mengoptimumkan serta memperkasa potensi aset kereta api melalui pelaksanaan inisiatif TOD. Kerjasama strategik ini dijangka menyokong pembangunan yang lebih mampan, meningkatkan nilai aset serta mewujudkan ekosistem rel yang lebih berdaya saing dan memberi manfaat kepada masyarakat.



RAC TERIMA KUNJUNGAN HORMAT FELDA, FGV DAN MSM PERAI BERHAD



RAC telah menerima kunjungan hormat daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), FGV Holdings Berhad (FGV) dan MSM Perai Berhad (MSMPB) pada 1 April 2026 di Ibu Pejabat RAC, Kuala Lumpur bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan pajakan tanah milik RAC yang melibatkan MSM Perai Berhad.

Sesi kunjungan hormat tersebut telah diketuai oleh Pengarah Besar FELDA, YBhg. Dato' Dr. Suzana Idayu Wati Osman, Pengerusi FGV Holdings Berhad, YBhg. Datuk Abu Huraira Abu Yazid serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM Perai Berhad, YBrs. Dr. Aini Shahrar dan telah disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad bersama barisan pengurusan kanan RAC.

Pertemuan ini menjadi platform untuk memperkukuh hubungan strategik antara RAC dan pihak berkepentingan, di samping membincangkan potensi kerjasama serta memastikan pengurusan aset dan urusan pajakan tanah dapat dilaksanakan secara lebih berkesan, mampan dan memberi manfaat kepada semua pihak.

RAC, LPJ PERKUKUH KERJASAMA PERLUAS INISIATIF ROAD TO RAIL

Usaha memperluas penggunaan pengangkutan rel bagi pergerakan kargo terus diperkukuh menerusi sesi libat urus antara Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) yang berlangsung pada 23 Julai 2026 di Ibu Pejabat RAC.

Sesi tersebut diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad bersama Pengurus Besar LPJ, YBrs. Dr. Siti Noraishah Azizan, serta turut disertai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KTMB, YBhg. Datuk Azlan Shah Al Bakri dan Pengurus Besar Facility Development, Johor Port Berhad, YBrs. Ir. Shahrul Idzham Zainon Aznan.

Perbincangan memberi tumpuan kepada pembangunan dan penaiktarafan infrastruktur rel di kawasan pelabuhan, termasuk usaha memperkukuh hubungan rel dengan pelabuhan, terminal dan hab logistik di Johor.

Kerjasama ini diharap dapat membuka lebih banyak peluang untuk memperluas penggunaan rel sebagai pilihan pengangkutan kargo yang lebih cekap, mampan dan berdaya saing, selaras dengan aspirasi Inisiatif Road to Rail.

LAWATAN TAPAK PROJEK VIADUCT KEMPAS BARU



Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad telah mengadakan lawatan kerja ke Projek Cadangan Mereka Bentuk, Membina dan Menyiapkan *Viaduct* Merentasi Depoh Kempas Baru di Johor Bahru pada 21 Mei 2026 bagi meninjau perkembangan serta kemajuan fizikal projek.

Lawatan tersebut turut melibatkan sesi pemeriksaan kerja di tapak bersama wakil RAC, KTMB, Perunding Semakan Bebas dan kontraktor projek, SIPP-YTL JV bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan mengikut jadual yang ditetapkan.

Pembinaan *viaduct* ini merupakan sebahagian daripada penyediaan infrastruktur strategik yang akan menyokong pembangunan kawasan Stesen Keretapi Kempas pada masa hadapan

KLUANG RAILCOFFEE KINI BEROPERASI DI MENARA SENTRAL RAC!

Kluang RailCoffee kini dibuka di Menara Sentral RAC sebagai satu lagi langkah dalam memperkayakan ekosistem komersial aset rel negara. Majlis pembukaan rasmi tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook pada 10 Jun 2026.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah; Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad bersama pengurusan tertinggi Kementerian Pengangkutan, wakil Kluang RailCoffee serta para jemputan.


Kerjasama strategik ini bukan sahaja memberi nilai tambah kepada ruang komersial di Menara Sentral RAC, malah mengangkat semula warisan Kluang RailCoffee yang sinonim dengan sejarah perkeretaapian negara sejak tahun 1938. Inisiatif ini turut mencerminkan usaha berterusan dalam menghidupkan aset rel melalui aktiviti komersial yang memberi manfaat kepada pengguna dan komuniti.



RAC PERLUAS PENGURUSAN PARKIR DI MENARA SENTRAL RAC

RAC telah memulakan operasi pengurusan parkir di Menara Sentral RAC pada 1 April 2026 dengan menyediakan 162 petak parkir kereta dan 42 petak parkir motosikal bagi memenuhi keperluan pengguna.

Operasi parkir ini dikendalikan oleh RAC dengan kerjasama Semasa Parking Sdn. Bhd. dan merupakan kolaborasi kedua dalam pengurusan fasiliti parkir selepas kejayaan pelaksanaan projek *Park & Ride* Rawang bersama Park Assist Asia Sdn. Bhd.



MARKET CAFE SEDIAKAN RUANG SANTAI DI MENARA SENTRAL RAC

Market Cafe telah mula beroperasi di Menara Sentral RAC pada 12 Jun 2026, menawarkan ruang santai yang lebih selesa kepada warga kerja, pelanggan dan pengunjung yang berkunjung ke premis RAC.

Majlis perasmian tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad. Pembukaan Market Cafe ini merupakan sebahagian daripada usaha meningkatkan keselesaan di premis RAC melalui penyediaan ruang komersial yang lebih mesra dan kondusif.

Kehadiran Market Cafe dijangka dapat menjadi lokasi pilihan warga kerja dan komuniti setempat untuk menikmati sajian dalam suasana yang lebih santai, di samping mewujudkan persekitaran Menara Sentral RAC yang lebih dinamik dan mesra pengunjung.

